

Enam punca data peribadi bocor

la boleh berlaku di mana sahaja dalam atau luar organisasi secara sengaja atau tidak

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN, NAZRIN ZULKAFLI & MUKRIZ MAT HUSIN SHAH ALAM**

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) mendedahkan terdapat enam punca berlakunya kebocoran maklumat atau data peribadi rakyat di negara ini kepada pihak ketiga.

Ketua Pengarahnya, Mazmalek Mohamad berkata, kebocoran maklumat boleh berlaku tidak kira di mana sahaja sama ada dalam atau di luar organisasi secara sengaja atau tidak disengajakan.

Menurut beliau, antara punca kebocoran maklumat dalam organisasi adalah disebabkan daripada sikap individu yang


mempunyai kepentingan tertentu dan bersekongkol dengan jenayah profesional.

Jelasnya, kebocoran juga boleh berlaku secara tidak sengaja disebabkan kurang pengetahuan atau kesedaran mengenai kepentingan melindungi data dan impak sekiranya data diakses oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Selain itu, kebocoran data juga berlaku berpunca daripada kegagalan sesebuah organisasi menyediakan standard pengurusan data.

“Sekiranya sebuah organisasi itu gagal mengambil langkah-langkah kawalan keselamatan dalam memastikan keselamatan data terjamin, ia menyebabkan data boleh diakses oleh pihak ketiga dengan sewenang-wenangnya,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Mengulas lanjut, menurut beliau, bagi kebocoran maklumat yang berlaku di luar organisasi pula, ia disebabkan oleh serangan siber kerana kegagalan organisasi memastikan infrastruktur penyimpanan data dan sistem rangkaian berada dalam tahap keselamatan yang tinggi. Dalam masa sama, tambah-



Mazmalek menerangkan secara dalam talian kepada penjawat awam dari Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) mengenai perlindungan data peribadi di tempat kerja baru-baru ini.

nya, data peribadi juga boleh tertiris dengan tidak sengaja tanpa disedari melalui sikap individu yang gemar berkongsi data dalam media sosial atau kepada pihak ketiga.

“Contohnya, mereka kongsi data melalui laman sesawang yang menawarkan peraduan atau hadiah percuma secara tidak langsung menyumbang kepada kebocoran dan penyalahgunaan data peribadi.

“Akhir sekali, ketirisan data peribadi juga boleh berlaku secara paksaan. Contohnya, seorang penjamin kepada pinjaman ahli keluarga mungkin akan memberikan alamat penuh dan

nombor telefon peminjam asal apabila diugut secara kasar oleh agensi pengutip hutang,” jelasnya.

Sementara itu, JPDP melaporkan sebanyak 58 aduan diterima berkenaan kebocoran data peribadi bermula Januari 2022 sehingga 27 Mei 2022.

Jelas Mazmalek, aduan tersebut diterima melalui rakan strategik JPDP seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Cybersecurity Malaysia (CSM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) serta aduan melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP).

Menurut beliau, JPDP telah

memperkenalkan Borang Notifikasi Ketirisan Data (DBN) bagi membolehkan pengguna data membuat laporan berhubung insiden ketirisan data yang berlaku dalam tempoh 72 jam.

“Buat masa ini, pengguna data adalah tidak diwajibkan untuk melaporkan insiden ketirisan data peribadi kepada JPDP.

“Namun, perkara ini telah disenaraikan sebagai salah satu cadangan pindaan ke atas Akta 709 yang akan mewajibkan pengguna data untuk melaporkan insiden ketirisan data peribadi yang berlaku kepada JPDP,” ujarnya.

